

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, October 24, 2018 9:02 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bilik Student-Centered Learning (SCL) Penuhi Suasana Pembelajaran Kondusif



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

24 OKTOBER 2018 / 15 SAFAR 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

BILIK STUDENT-CENTERED LEARNING (SCL) PENUHI SUASANA PEMBELAJARAN KONDUSIF



UUM ONLINE: Penaikan taraf bilik kuliah tradisional kepada berkonsepkan bilik pembelajaran berpusatkan pelajar atau *student-centered learning* (SCL) di Pusat Pengajian

Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) dilihat mampu memenuhi suasana pembelajaran yang kondusif.

Pengerusi Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng, Prof. Tan Sri Dato' Paduka Dr. Fng Ah Seng berkata, bilik kuliah berkonsepkan SCL itu akan menjadi medan kepada pelajar dan pensyarah sebagai fasilitator untuk memperolehi pengetahuan dengan melakukan perbincangan bersama rakan atau kumpulan, menggalakkan perkongsian idea dan dapatan menerusi pembentangan serta penggunaan teknologi sebagai medium sumber maklumat.

Menurutnya, ruang bilik kuliah tradisional yang berpusatkan pensyarah adalah kurang relevan untuk memenuhi kriteria pembelajaran berpusatkan pelajar ini, justeru aktiviti menaik taraf bilik kuliah tradisional di TISSA-UUM kepada berkonsepkan SCL adalah wajar.

"Dalam keadaan perkembangan pendidikan berorientasikan pelajar yang semakin mencabar, saya memahami cabaran yang dihadapi oleh universiti dalam memberikan persekitaran pembelajaran yang terbaik kepada para pelajar.

"Saya percaya, usaha pembangunan menaik taraf bilik kuliah ini akan memenuhi suasana pembelajaran kondusif seperti yang diharapkan kerana pada masa sama, kita mengharapkan graduan yang dihasilkan bukan hanya mempunyai pengetahuan yang baik, malah mempunyai daya usaha yang tinggi, berfikiran kreatif dan kritis serta berkemahiran berinovasi, hasil dari latihan yang diperolehi menerusi pembelajaran berpusatkan pelajar," katanya pada Majlis Perasmian Bilik Student-Centered Learning (SCL), semalam.

Beliau yang juga Profesor Adjung TISSA-UUM berkata, menaik taraf prasarana pembelajaran di TISSA-UUM adalah sebahagian agenda Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani Yayasan Muhibah dengan UUM pada 2016.

Menurutnya, diharapkan kerjasama tersebut akan berterusan dan dapat menghasilkan sinergi yang memanfaatkan kedua pihak serta menyokong aspirasi melahirkan pemimpin berkualiti tinggi yang bakal menerajui kepimpinan dan ekonomi negara.

Sementara itu, Dekan TISSA-UUM, Prof. Madya Dr. Chek Derashid berkata, penaikan taraf bilik kuliah itu mengambil kira hala tuju pendidikan yang bukan sahaja memberi fokus kepada pengetahuan teknikal, malah kemahiran insaniah yang memerlukan interaksi antara pensyarah dan pelajar.

Katanya, sehingga kini sebanyak 11 bilik kuliah tradisional telah dinaik taraf dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelajar.

"Saya berharap dengan kerjasama antara TISSA dan Yayasan Muhibah ini akan memberi manfaat kepada pelajar, seterusnya menjadikan mereka graduan yang mempunyai daya saing serta lengkap dengan kemahiran diperlukan industri," ujarnya.

Pada sebelah petang, Prof. Tan Sri Dato' Paduka Dr. Fng Ah Seng menyampaikan syarahan beliau bertajuk '*Industrial Revolution 4.0: The Impact of Technology on Human Capital and Management Control System*' di Dewan Kuliah Gugusan 2/2.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.